

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[PERCEPTIONS OF FIRST YEAR USIM STUDENTS TOWARDS HOME
LEARNING DURING PANDEMIC COVID-19]**

**PERSEPSI MAHASISWA TAHUN SATU USIM TERHADAP PEMBELAJARAN DI
RUMAH KETIKA PANDEMIK COVID-19**

KHADIJAH MUDA¹

¹ Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding Author: khadijahmuda@usim.edu.my

Received Date: 15 May 2021 • Accepted Date: 15 June 2021

Abstract

The covid-19 pandemic has had a major impact on society in various fields. In terms of education, the majority of the people have to use the PdPR method. However, how was the students' acceptance of the PdPR method during the covid-19 pandemic? Therefore, this study aims to identify the impact of online learning during the pandemic on first year students of USIM. Using a qualitative approach, a total of 150 students were asked open-ended questions about the impact of covid-19 on their learning. As a result, students feel that PdPR method was less effective and disrupted their focus in learning. Some of the factors that impact them are the state of poor internet access, uncomfortable environment, finances, responsibilities in the family, affecting mental and physical health and difficulty in communicating well with each other in completing tasks. As a result most feel that this PdPR method was not effective. Yet it had to be adhere to the standard operating procedures to curb the spread of covid-19 in the community.

Keywords: PdPR, covid-19, USIM students.

Abstrak

Pandemik covid-19 telah memberi impak yang besar kepada masyarakat dalam pelbaga bidang. Dari segi pendidikan, majoriti rakyat terpaksa menggunakan kaedah PdPR. Namun, bagaimana penerimaan pelajar terhadap kaedah PdPR ketika pandemik covid-19? Maka kajian ini ingin mengenalpasti impak pembelajaran atas talian ketika pandemik kepada mahasiswa tahun satu USIM. Menggunakan pendekatan kualitatif, seramai 150 mahasiswa diajukan soalan terbuka tentang impak covid-19 kepada pembelajaran mereka. Hasilnya, pelajar merasakan kaedah PdPR ini kurang berkesan dan mengganggu tumpuan mereka dalam pembelajaran. Beberapa faktor yang memberi impak kepada mereka adalah keadaan akses internet yang perlahan, suasana persekitaran yang kurang selesa, kewangan, tanggungjawab dalam keluarga, menjejaskan kesihatan mental dan fizikal serta sukar untuk berkomunikasi dengan baik sesama mereka dalam menyiapkan tugas. Hasilnya, rata-rata merasakan bahawa kaedah PdPR ini kurang berkesan

untuk diaplikasikan. Namun terpaksa akur untuk menjaga prosedur operasi standard bagi mengekang penularan covid-19 dalam komuniti.

Kata kunci: PdPR, covid-19, mahasiswa USIM.

Cite as: Khadijah Muda. 2021. [Perceptions of First Year Usim Students Towards Home Learning During Pandemic Covid-19] Persepsi Mahasiswa Tahun Satu Usim Terhadap Pembelajaran di Rumah Ketika Pandemik Covid-19. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(2): 119-128.

PENGENALAN

Apabila pandemik covid-19 melanda, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Malaysia telah mengeluarkan arahan agar pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara atas talian, tidak lagi bersemuka seperti biasa. Kementerian Pengajian Tinggi turut mengarahkan agar pelajar universiti pulang ke rumah masing-masing (Dato' Dr Noraini Ahmad, 2020). Maka, wujudlah istilah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). PdPR ini telah menimbulkan pelbagai impak kepada tenaga pengajar dan pelajar atau mahasiswa.

TUJUAN KAJIAN

Menerokai persepsi mahasiswa tahun satu USIM terhadap pembelajaran atas talian ketika pandemik covid-19.

METODOLOGI KAJIAN

Menggunakan pendekatan kualitatif iaitu terdiri daripada 150 orang pelajar sarjana muda tahun satu yang dipilih secara berkelompok iaitu kelompok pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Fakulti Pendidikan dan Bahasa Moden dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat. Soalan terbuka diajukan kepada pelajar tentang kesan covid-19 kepada pembelajaran mereka di rumah secara atas talian menggunakan *microsoft form*. Hasil dapatan dianalisis secara manual dengan dimulakan dengan menyusun jawapan dalam tema masing-masing.

HASIL DAPATAN

Dapatan menunjukkan terdapat lapan (8) tema impak pandemik covid-19 kepada pembelajaran di rumah secara atas talian. Tema yang dibentuk daripada hasil dapatan adalah seperti jadual di bawah. Tema ini dibentuk hasil daripada soalan terbuka kepada 150 orang pelajar.

Tema	Sub tema
1. Peralatan dan Akses	1) Mempunyai peralatan untuk pembelajaran atas talian (komputer/laptor/telefon pintar) 2) Kelajuan internet memberi kesan kepada pembelajaran 3) Internet tersekat-sekat menyebabkan pelajar tidak dapat

	memberi tumpuan sepenuhnya.
2. Kewangan	<ol style="list-style-type: none"> 1) Peruntukan diperlukan untuk pembelian data internet. 2) Bebanan kewangan melibatkan internet memberi tekanan kepada pelajar
3. Tanggungjawab dalam keluarga	<ol style="list-style-type: none"> 1) Perlu bantu ibu/bapa menyiapkan tugas dalam rumahtangga. 2) Perlu bantu adik beradik menyiapkan kerja sekolah 3) Perlu bahagikan masa sebagai anak/ahli keluarga dan pelajar.
4. Kesihatan fizikal dan mental	<ol style="list-style-type: none"> 1) Memberi tekanan kepada mental. 2) Menjelaskan kesihatan dari segi fizikal (seperti badan tidak selesa, sakit mata, tekanan darah tinggi, sakit bahu, sakit pinggang dan lain-lain).
5. Komunikasi terbatas	<ol style="list-style-type: none"> 1) Sukar berbincang dengan pensyarah. 2) Sukar berbincang dengan rakan-rakan. 3) Kerjasama dalam kumpulan terbatas. 4) Ahli kumpulan mengambil kesempatan tidak menyiapkan tugas berkumpulan. 5) Berlaku salah faham antara ahli kumpulan kesan tidak berbincang secara bersemuka.
6. Hilang fokus, minat dan motivasi dalam pembelajaran.	<ol style="list-style-type: none"> 1) Hilang tumpuan dalam kelas 2) Kurang bermotivasi untuk melibatkan diri dalam pembelajaran 3) Tidak jelas apa yang dipelajari.
7. Membina kemahiran dalam ICT	<ol style="list-style-type: none"> 1) Dapat mengaplikasikan pelbagai tools atau aplikasi dalam pembelajaran. 2) Dapat memahirkan diri menggunakan medium ICT dalam pembelajaran (seperti microsoft teams, zoom, meet, kahoot dan sebagainya). 3) Dapat mempelajari pelbagai aplikasi baru yang sebelum ini pelajar tidak tahu. 4) Pembelajaran atas talian memerlukan pelajar mahir menggunakan peralatan ICT.
8. Suasana yang tidak kondusif	<ol style="list-style-type: none"> 1) Persekitaran yang bising. 2) Bercampur dengan adik beradik yang ramai. 3) Tiada tempat khas untuk belajar. 4) Kejiranan yang bising dan mengganggu fokus. 5) Ibu bapa yang bermasalah, sering bergaduh.

Jadual di atas menunjukkan impak covid-19 kepada mahasiswa tahun satu (1) Universiti Sains Islam Malaysia. Mahasiswa tahun satu yang bukan berlatar belakang tamhidi (pelajar matrikulasi di bawah USIM) masih belum mengenali suasana pembelajaran USIM dan belum mengenali rakan-rakan yang sekelas dengan mereka. Maka, hasil dapatan ini menunjukkan

banyak kesukaran bagi mahasiswa yang belum mengenali rakan-rakan untuk berhubung dan berkomunikasi. Dapatan ini menjelaskan lapan (8) impak yang disenaraikan oleh mahasiswa tahun satu (1) USIM.

Dari segi peralatan, semua mahasiswa USIM mempunyai peralatan untuk pembelajaran seperti laptop atau komputer atau telefon pintar untuk mengikuti pembelajaran atas talian. Namun, masalah yang kerap dihadapi adalah akses internet yang terhad. Antara jawapan mereka adalah:

“Pembelajaran secara online memberi sedikit tekanan pada saya iaitu mengalami masalah internet”.

“Memerlukan jaringan internet yang laju untuk menghadiri kelas secara online”.

“Pada pendapat saya, sukar untuk bertanya kerana kadang line sangkut, sukar untuk discuss dengan ahli kumpulan”.

“Kena ada internet yang kuat untuk akses”.

“Pendapat saya, pelajar yg mempunyai masalah dalam mengakses internet, adalah pelajar yang paling terjejas”.

“Sangat terjejas pembelajaran online kepada saya kerana tidak dapat mendengar penjelasan drdp lecture dengan lebih jelas kerana saya tinggal di kawasan perkampungan jadi coverage tidak berapa elok dan suasana juga mempengaruhi pembelajaran kami dirumah seterusnya susah untuk bertanya jika tidak paham sesuatu subjek setelah pembelajaran tamat kerana apabila nak tanya line tersekat tetiba kelas tamat”.

Ini adalah sebahagian daripada jawapan mahasiswa, walau bagaimanapun ramai yang memberi maklum balas tentang kelajuan internet yang merencatkan serta melambatkan proses pembelajaran mereka. Masalah internet ini mempunyai kaitan dengan masalah kewangan. Apabila mahasiswa memerlukan data yang cukup untuk internet, mereka perlu peruntukkan wang untuk pembelian data.

“Terpaksa mengeluarkan duit untuk membeli data internet bagi membolehkan hadir ke kelas dalam talian, peperiksaan dalam talian dan juga untuk menghantar tugas”.

“Bagi saya dr..ada positif ..ada negatif tapi saya pilih negatif..negatifnya duit simpanan pelajar habis di internet sahaja..dan duit yuran asrama yang kami tidak duduk masih lagi tidak dapat..jika ada duit tersebut mungkin mengurangkan beban kami :(“.

Selain daripada masalah asas seperti akses internet dan kewangan, mahasiswa juga dicengkam oleh tanggungjawab dalam keluarga, memandangkan mereka berada di rumah. Maka, ahli keluarga menganggap mereka juga perlu memainkan peranan sebagai ahli keluarga. Antara luahan mahasiswa adalah:

“Tengah belajar mak panggil suruh masak ...x menyahut suruhan kang kata anak derhaka”.

“Pelajar juga mengalami kekangan masa kerana mempunyai komitmen sebagai pelajar dan seorang anak. Namun ianya juga melatih para pelajar untuk mengatur masa dengan lebih baik”.

“... Pelajar perlu memberi komitmen yang sangat tinggi untuk tugas di rumah dan tugas yang diberikan untuk pembelajaran”.

“Bagi saya kesan covid-19 terhadap pembelajaran adalah saya tidak dapat fokus sepenuhnya kerana pelajar duduk di rumah dan perlu membantu ahli keluarga yang lain membuat kerja rumah”.

“...Kesan covid-19 menyebabkan hilang tumpuan belajar kerana persekitaran di rumah yang tidak memahami keadaan saya ..”

“Sukar untuk fokus sepenuhnya kerana terikat dengan tanggungjawab sebagai anak”.

“Terdapat banyak kesan pandemik covid-19 kepada pembelajaran saya antaranya saya kurang fokus di dalam kelas kerana terpaksa melakukan pekerjaan lain seperti menguruskan pembelajaran online adik adik saya”.

“Covid-19 memberi impak besar kepada saya. Dari segi pendidikan, saya lebih suka belajar secara berdepan berbanding atas talian. Belajar atas talian menyebabkan saya hilang fokus dan telah membuat saya ragu untuk menyambung pengajian. Selain itu, saya mempunyai masalah keluarga. Disebabkan pandemik ini, saya terpaksa duduk di rumah dan menghadapi masalah keluarga sambil cuba memberi fokus dalam pelajaran. Saya harap pada semester hadapan saya dapat pulang ke kampus dan belajar seperti biasa dengan sistem baru 50% kelas berdepan dan 50% kelas atas talian.

Selain daripada tuntutan sebagai mahasiswa, mereka juga terpaksa menjalankan tugas sebagai anak, abang atau kakak dan sebagainya untuk membantu ahli keluarga yang lain. Bahkan, terpaksa juga berhadapan dengan keadaan yang tidak menyeronokkan seperti masalah keluarga bagi keluarga yang bermasalah. Keadaan ini sedikit sebanyak mengganggu tumpuan jika orang sekeliling kurang memahami peranan mahasiswa terhadap tugas dan pembelajaran

mereka.

Mahasiswa turut merasa tertekan dengan keadaan pembelajaran atas talian di rumah dari segi fizikal dan emosi. Luahan mereka adalah

“Sakit belakang, sakit mata”.

“Di samping meninggalkan kesan kepada kesihatan iaitu menyebabkan mata menjadi sakit akibat cahaya daripada skrin gajet”.

“Kesan Terhadap Kesihatan Mental dan Fizikal”.

“Pembelajaran online memberi tekanan dari segi pencapaian internet, kesukaran dalam memahami pelajaran yang diajar oleh pensyarah, perbincangan kumpulan secara online. Selain itu, ia juga memberi kesan kepada kesihatan fizikal seperti sakit belakang, tekanan darah tinggi, kesihatan mata dan sebagainya kerana terlalu lama menghadap laptop”.

“Pada pendapat saya, kelas online menyebabkan Kita mudah hilang fokus, maklumat Yang disampaikan tidak difahami secara tepat, memberi kesan kepada kesihatan kerana tiada dorongan bersenam Dan mudah sakit pada bahagian badan”.

“Stress”.

“Bagi saya, kesan pandemik covid-19 agak mencabar dari segi mental dan fizikal... Tidak dinafikan juga saya mengalami tekanan apabila menyiapkan tugas yang banyak dan penghantaran tugas pada tarikh yang sama dan dalam masa yang sama ahli keluarga juga minta untuk menyiapkan kerja kerja rumah..”.

Kesan mengadap skrin yang lama untuk mendengar kuliah, menyiapkan tugas dan sebagainya adalah menjejaskan kesihatan fizikal kerana kurangnya bersenam. Berfikir tentang tugas yang banyak dan masalah yang dihadapi menyebabkan mahasiswa merasa tertekan bukan sekadar fizikal, bahkan mental. Mahasiswa juga terpaksa berdepan dengan masalah komunikasi antara rakan-rakan terutama apabila melibatkan kerja berkumpulan. Menurut mereka kerja berkumpulan menjadi sukar apabila tidak dapat menghubungi rakan lain, lambat tindakbalas disebabkan masalah internet dan agak sukar apabila tidak dapat bersemuka.

“ Kesan positive, di kurniakan rakan yg suka membantu”.

“Dari segi kerja berkumpulan, terdapat sedikit kesukaran untuk berbincang”.

“Ada pelajar yang melepas tangan ketika membuat kerja berpasukan”.

“Sukar membuat perbincangan berkumpulan”

“Pada pendapat saya , kesan covid-19 kepada pembelajaran saya (PdPR) ialah dari segi kerja berkumpulan kerana apabila berbincang menerusi whatsapp atau mana mana platform kerana tidak semua ahli kumpulan akan memberi respond secepat yang mungkin. Bagi saya sangatlah susah jika perbincangan yang tidak berdepan ini”.

“Pada pendapat saya, kesan dri pandemik covid 19 ini terhadap pembelajaran ada baik dan buruknya, pada sisi baiknya pandemik covid 19 ini mengajar saya erti kesabaran iaitu apa bila berhadapan dengan kawan-kawan yang tidak tahu budi pekerti nya dalam melakukan tugas yang diberi”.

“Dari segi tugas bersama kumpulan juga sangat menyukarkan kerana boleh berlakunya salah faham antara satu sama lain ketika melakukan perbincangan”.

“Sukar belajar sendiri berbanding belajar dengan kawan”.

Meneliti komen-komen pelajar berkenaan kesan PdPR kepada kerja berkumpulan, walaupun banyak yang terkesan dengan masalah internet dan sikap ahli kumpulan namun ada juga yang dapat mengambil iktibar daripada situasi berkenaan seperti melatih sifat bertolak ansur, sabar, uruskan kerja berkumpulan dengan berkesan dan dapat mengenali sikap rakan-rakan mereka dan saling membantu. Kesan daripada kesemua faktor di atas, mahasiswa menjadi kurang motivasi, hilang fokus dan kurang minat dalam pembelajaran. Antara komen mahasiswa adalah seperti di bawah.

“Kurang semangat dalam belajar”.

“Tidak mempunyai semangat dan motivasi yang tinggi untuk belajar”.

“Susah nak faham apa tugas yang diberi lagi-lagi berkenaan dengan assignment”.

“Kesan pembelajaran secara atas talian kepada saya ialah saya tidak dapat menguasai dan memahami topik pembelajaran dengan baik kerana kefahaman yang diberikan oleh pensyarah secara atas talian tidak sama seperti dalam kelas bersemuka mungkin atas faktor terkejar masa atau rangkaian internet yang tidak stabil”.

“Kurang semangat untuk belajar”.

“Kelas online cepat bosan dan mengantuk”.

“Pelajaran menjadi kurang Efektif kerana bukan semua pelajar dan setiap waktu mempunyai capaian internet yang laju”.

“Kesan covid 19 kepada pembelajaran pelajar adalah pembelajaran kurang jelas disebabkan oleh masalah internet yang perlahan dan memberi kesan terhadap mental pelajar sekaligus menghilangkan fokus pelajar di dalam kelas untuk lebih bersemangat”.

“Saya seorang pelajar yang agak lemah. Jadi pembelajaran di atas talian ni agak sukar untuk saya fahami dan ikuti. Jadi saya lebih gemar belajar secara berdepan supaya lebih fokus dan mudah difahami. Tapi saya faham, perkara itu tidak akan berlangsung dalam masa terdekat”.

“Saya kurang faham dan sukar dlm memahami pembelajaran dan sukar untuk bertanya soalan atau bertukar pendapat kerana saya memerlukan tunjuk ajar seorang guru secara bersemuka agar sesi pembelajaran ini lebih mudah difahami”.

“Pada pendapat saya, saya tidak boleh fokus belajar disebabkan kondusif dan suasana rumah yang tidak sesuai dan selalu berlaku masalah internet”.

“Kurang konsisten dalam fokus untuk belajar”.

“Pada pendapat saya, kesan covid-19 kepada pembelajaran saya ialah kurang fokus semasa kelas dan mengalami masalah untuk memahami sesuatu subjek. selain itu, sukar untuk menyiapkan tugas berbentuk video terutama kepada pelajar yang mempunyai adik beradik yang ramai dan kecil”.

“Amat memenatkan pelajar. Saya tak dapat fokus belajar kerana suasana sekeliling tidak membantu. Rata-rata, saya dan kawan saya beranggap sem lepas dan sem kali ini hanyalah sekadar mengejar due date submission tugas bukan pemahaman tentang apa yang dibelajar”.

“Banyak gangguan dan tarikan dekat rumah, kalau kelas bersemuka boleh fokus”.

Pembelajaran melalui atas talian ini memerlukan mahasiswa menguasai kemahiran asas untuk menggunakan medium-medium untuk proses pembelajaran. Antaranya mahasiswa perlu menggunakan moodle sebagai medium rasmi USIM, microsoft teams, dan zoom sebagai medium untuk kuliah atas talian, dan pelbagai lagi aplikasi mengikut keperluan pensyarah. Maka, secara tidak langsung mahasiswa dapat mempelajari banyak medium dan aplikasi yang selama ini jarang atau tidak pernah digunakan. Antara respon responden adalah seperti berikut.

“Selain itu, ianya juga memerlukan kemahiran dalam membuat video bagi subjek tertentu”.

“Pada pendapat saya, kesan Covid-19 kepada pembelajaran ialah dari perkara ini telah memberikan satu suasana barharu kepada para pelajar untuk lebih menguasai dan memahirkan penggunaan pelbagai aplikasi dalam talian untuk menyiapkan tugas”.

“Pada pendapat saya, kesan covid-19 dari sudut yang positif kepada pembelajaran (PdPR) ialah menjadikan pelajar lebih mahir dalam menggunakan peralatan teknologi. Dan pada sisi buruknya, sekiranya pelajar itu tidak tahu menggunakan Teknologi ia akan menyebabkan pelajar itu mudah ketinggalan”

“Pada pendapat saya, ia boleh meningkatkan kemahiran penggunaan komputer saya. Kerana jika pembelajaran bersemuka, pelajar kurang menggunakan gadget(komputer) dan sebagainya.jadi mereka kurang kemahiran dalam bab tersebut seperti menggunakan microsoft team dan google meet”.

“Meningkatkan kemahiran penggunaan social media seperti google meet dan microsoft team”.

Selain daripada semua faktor di atas, perkara lain yang memberi impak kepada pelajar adalah suasana persekitaran di rumah yang tidak kondusif seperti tiada tempat belajar, bising, ahli keluarga yang ramai dan sebagainya. Antara maklumbalas yang diterima adalah seperti berikut.

“Pada pendapat saya, kesan covid-19 kepada pembelajaran ialah pembelajaran dalam suasana yang tidak sesuai. Hal ini kerana, terdapat adik beradik lain dirumah dan terlalu banyak bunyi bising. Selain itu, penggunaan bahan untuk membuat kerja seperti laptop perlu berkongsi dengan adik beradik.hal ini perlu bertolak ansur antara satu sama lain”.

“Suasana pembelajaran yang tidak kondusif menyebabkan stress dan kurang keberkesanan dalam pembelajaran”.

“Sesungguhnya saya sudah tiada suasana belajar”.

“Kesan pandemik covid 19 kepada pembelajaran saya adalah saya tidak dapat memberi fokus yang sepenuhnya kerana suasana yang agak bising di sekitar kawasan taman perumahan saya”.

KESIMPULAN

Pandemik covid-19 rurut memberi kesan kepada mahasiswa kerana masing-masing perlu mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan berlakunya penularan virus ini. Rentetan daripada itu, antara langkahnya adalah pengajaran dan pembelajaran di rumah. Namun, langkah ini ternyata memberi impak yang besar kepada mahasiswa dan pensyarah. Kajian ini hanya memberi fokus kepada mahasiswa. Hasil daripada soal selidik dalam bentuk soalan terbuka, beberapa impak telah dikenalpasti. Perkara asas adalah perlunya peralatan ICT untuk pembelajaran dan akses internet yang laju untuk menjamin mahasiswa dapat mengikuti pembelajaran dengan baik. Kemahiran asas penggunaan ICT juga diperlukan untuk melibatkan diri dalam pembelajaran. Bagi memenuhi keperluan ini, peruntukan kewangan diperlukan. Mahasiswa yang berada dalam kalangan keluarga yang susah sangat terkesan kerana akses internet yang perlahan akan menjejaskan pembelajaran mereka. Apabila berada di rumah, mahasiswa secara tidak langsung yang merupakan sebahagian dari keluarga perlu menjalankan tugas-tugas dalam keluarga. Antaranya membantu ibu atau bapa, membantu adik beradik yang lain dari segi pembelajaran dan sebagainya. Namun, sebagai mahasiswa mereka juga perlu menjalankan tanggungjawab sebagai pelajar. Maka, pembahagian masa perlu dilakukan dengan sebaiknya. Dalam pada itu, ahli keluarga juga perlu memahami keadaan mahasiswa agar tidak mengganggu konsentrasi mereka. Pembelajaran di rumah memberi kesan kepada fizikal dan mental mahasiswa terutama mahasiswa yang menghadapi masalah dan memerlukan bimbingan guru secara bersemuka. Selain itu, komunikasi antara mahasiswa turut terganggu kesan daripada akses internet yang perlahan. Mahasiswa menjadi kurang minat, motivasi dan fokus dalam pembelajaran kesan daripada keadaan ini. Akhir sekali adalah, suasana yang kondusif penting untuk mahasiswa memberi tumpuan dalam pembelajaran.

RUJUKAN

Noraini Ahmad. (2020). *Pergerakan Pulang Pelajar IPT ke Kampung Halaman Mulai 27 April 2020*. Retrieved from Kementerian Pengajian Tinggi:
<https://www.mohe.gov.my/en/media-mohe/press-statement/1079-pergerakan-pulang-pelajar-ipt-ke-kampung-halaman-mulai-27-april-2020>